

# PROCEEDINGS

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

# 2$^{ND}$ INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE 2017

## المؤتمر الدولي الثاني للتراث الاسلامي

***"STRENGTHENING KNOWLEDGE, EMPOWERING ACHIEVEMENT"***

**EDITORS**

**MOHD FAIZAL P.RAMELI**
**ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK**
**MUHAMMAD TAUFIK MD SHARIPP**
**MOHD ZAID MUSTAFAR**
**MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ**
**RAWI NORDIN**
**S. SALAHUDIN SUYURNO**
**DZIAUDDIN SHARIF**

# PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE (ISHEC 2017)

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

# PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE (ISHEC 2017)

*Editors*

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Alor Gajah ● 2017

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2017
Hak Cipta / *Copyright* Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from ACIS, UiTM Cawangan Melaka.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel: +606 558 2303, 2305

Atur huruf oleh / *Typeset by*
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK, MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP, MOHD ZAID MUSTAFAR & MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
Mel-e: *qayyumfpi@yahoo.co.uk*

Reka bentuk kulit oleh
Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz
Mel-e: *nizamiyyah86@gmail.com*

ISBN:

# Table of Contents

*Foreword* 7
*Preface* 9

**HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC THOUGHT**

Genre Historiografi Ibn al-Athir
*Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nor Adina Abdul Kadir & Mariam Farhana Md Nasir ... 3*

Kajian Literatur Istilah *'Umran* Ibn Khaldun
*Abdul Qayuum Abdul Razak & S.Salahudin Suyurno ... 13*

Metodologi Penulisan Isu Kenabian menurut Badiuzzzaman Said Nursi dalam Kitab *Rasail al-Nur*
*Muaz Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Nor Adina Abdul Kadir, Abdul Qayuum Abdul Razak & Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz ... 21*

Metodologi Penulisan Syed Qutb dalam Kitab *Fi Zilal al-Quran*
*Halipah Hamzah & Noormala Rabu ... 35*

Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman
*Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly ... 47*

Mekah Pusat Dunia: Hubungan dengan Brunei
*Muhammad Hadi Muhammad Melayong ... 55*

Peranan Sufi dalam Penyebaran Islam di Nusantara
*H Sumanta MA & Hajam M.Ag ... 63*

Ngaji Kitab bersama Para Kiai Cirebon 'Memaknai Jihad Islam' untuk Meraih Sukma Pancasila
*Siti Fatimah M.Hum ... 75*

Jender dalam Perspektif Nasaruddin Umar
*H Jamali Sahrodi MA & Amin Maulana ... 101*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Madrasah Menggapai Mutu
*H Maksum MA ... 117*

Pendekatan Kajian Orientalis terhadap Islam: Satu Sorotan Awal
*Mohd Farhan Abd Rahman & Muhamad Azrul Azwan ... 125*

ZA'BA, Melayu dan Kolonialisme Inggeris
*Noor Aziera Mohamad Rohana, Nurul Asma Mazlan, Noraini Abd Muaziz & Ermy Azziaty Rozali ...137*

Budaya Berfikir Kritis Islam sebagai Pendekatan dalam Mengukuhkan Jatidiri Masyarakat Melayu Kini
*Norafifah Ab Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man & Siti Nurul Izza Hashim ... 151*

Kepentingan Kepercayaan Konsep Ilmu dalam Pembentukan Pandangan Alam
*Mahfuzah Mohammed Zabidi & Rohaya Sulaiman... 167*

## HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC HERITAGE

Penentuan Tarikh Perkahwinan Rasulullah SAW berdasarkan Pengiraan Takwim Hijri terkini
*Nur Jannah Ballazi, Hamidah Jalani, Norsaeidah Jamaludin, Sarah Dina Mohd Adnan & Nang Naemah Nik Dahalan ... 180*

Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks *Bustan al-Salatin*
*Shah Rul Anuar Nordin ... 188*

Prasasti Terengganu: Kepentingannya dalam Sejarah Tamadun Islam Alam Melayu
*Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan, Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayuum Abdul Razak & Khairul Nizam Abdul Aziz ... 199*

Kelangsungan Budaya Masyarakat Chetti Melaka Era Globalisasi
*Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Rawi Nordin, Nor Rafedah Mohsan & Muhammad Faidz Mohd Fadzil ... 209*

Sejarah dan Implementasi Dekorasi Cina dalam Pembinaan Masjid Terawal di Malaysia
*Nor Adina Abdul Kadir, S.Salahudin Suyurno, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris & Muaz Mohd Noor ... 223*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

## ISLAMIC LITERATURE AND ART


Keindahan Konsep Tauhid dalam Rekabentuk Motif-motif Seni Tradisi Melayu
*Shaliza Dasuki, Azahar Harun, Liza Marziana Mohammad Noh, Nur Hasliza Abdullah, Nurkhazilah Idris & Fazlina Mohd Radzi ... 239*

Identifying A Lotus Motif Transformation on The Melaka Traditional Mosque's Roof Crown in 1720-1950
*Raziq Abdul Samat, Sharifah Shaari, Dona Lowii Madon, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin ... 255*

Potensi Seni Iluminasi al-Qur'an Mushaf Malaysia
*Nik Narimah Nik Abdullah, Mohd Hisham Johari, Ayob Wahid, Zahara Ramli, Muhamad Fauzi Harun, Anith Liyana Amin Nudin & Mohd Amin Mohd Noh… 263*

أثر التراث العربي الإسلامي في الرسم الاوروبي الحديث
*شكيبا مصطفى الشريفية & محمود حسين عبد الرحمن ... 281*

Notes on the Ibadi Religious Architecture: A Comparative Study of the Mosques in Mzab, Djerba and Oman
*Naima Benkari ... 301*

Contemporary Telekung in Malaysia it's Challenges and Realities
*Norzaleha Zainun, Jamiaah Abdul Holed & Zolina Mohamad ... 317*

The Development of Character Category in Jawi Typography-An Implementation in Typography Course in UiTM
*Intan Nur Firdaus Muhammad fuad, Sharifah Raudzah S. Mahadi & Ahmad Khairul Azizi Ahmad ... 333*

Art Photography: Ideation and Influences of Islamic Geometric Patterns
*Azmil Aswad Che Mat, Aidah Alias & Farihan Zahari ... 345*

The Reading of Tajwid in Surah Yaasin for Red-Green Colour Vision Deficiencies
*Siti Sarah Adam Wan, Azahar Harun, Nur Hasliza Abdulah & Shaliza Dasuki ... 357*


## POLITICS AND GOVERNANCE


Peranan Sultan Abu al-Hasan 'Ali al-Marini dalam Kerajaan Banu Marin di Fas, al-Maghrib (1331-1351M)

*Mariam Farhana Md Nasir, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris, Hamidah Jalani & Muhammad Taufik Md Sharipp ... 365*

Sejarah Institusi Ketenteraan di Malaysia dan Sumbangan kepada Kelangsungan Ketamadunan
*Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah & Redwan Yasin ... 380*

Perspektif Kitab Quran terhadap Bidang Pengurusan Rekod
*Ahmad Azman Mohamad Ramli, Azmi Ab Rahman, Kasmarini Baharuddin, Mohd Naim Mohd Nasfi, Mohd Ridzuan Ibrahim & Abd Rashid Abd Rahman ... 397*

**ISLAMIC ECONOMICS AND BUSSINES MANAGEMENT**

Etika Pengurusan Sumber Manusia bagi Muslimpreneurs dalam Perniagaan Berskala Kecil
*Mohd Faizal P.Rameli, Suhaida Mohd. Amin, Dziauddin Sharif, Norajila Che Man & Noorfazreen Mohd Aris ... 413*

Paradigma Tauhid dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
*Norajila Che Man, Muhammad Rahimi Osman & Mohd Faizal P.Rameli ... 427*

Wasatiyyah sebagai Asas Pembuatan Keputusan Pelabur Muslim
*Noor Hasyimah Sulaiman, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Rubiah Abu Bakar ... 445*

Penilaian Pakar dalam Model Konseptual Penggunaan Berhierarki Islam
*Basri Abd. Ghani & Ahmad Azrin Adnan ... 453*

The Need to Work by Educated Muslim Women in Malaysia
*Suhaida Mohd. Amin & Mohd Faizal P.Rameli ... 461*

The Impact of Macroeconomic Variables on FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index
*Siti Nurulhuda Ibrahim, Zuraini Abdul Hamid, Amirudin Mohd Nor, Fahmi Abdul Rahim & Noraznira Abd Razak ... 469*

Multimodal Analysis on Muslimah Cosmetic Billboards
*Nor Atifah Mohamad, S. Salahudin Suyurno, Sumarni Maulan & Nazarul Azali Razali ... 489*

Determinants of Electronic Commerce Adoption: Case Study Among Small and Medium Enterprise (SME) in Klang Valley

iHEC 2nd International Islamic Heritage Conference 2017

*Nur Atiqah Zainuddin, Maymunah Ismail, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Sharif, Maz Izuan Mazalan & Mohd Sufian Ab Kadir … 501*

Halal vs Non-Halal Cosmetic: Positioning in Malaysian Market
*Azahar Harun, Roszi Naszariah Nasni Naseri, Nur Hazwani, Zolkifly & Mastura Ayob ... 513*

Total Quality Management and Halal Certification of Food Product in Malaysia
*Rizuwan Abu Karim, Nurazree Mahmud, Helmy Fadlisham Abu Hasan & Juan Rizal Sa'ari ... 519*

Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM
*Mohd Zaid Daud, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurzahidah Jaafar & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah ... 527*

## WAQF DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Elemen Kekal Harta Wakaf: Analisis menurut Fuqaha dan Undang-undang di Malaysia
*Che Zuina Ismail, Azarudin Awang, Rubiah Abu Bakar, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 549*

Sejarah Universiti al-Azhar sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung
*Mohd. Ali Muhamad Don ... 565*

Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Inovasi Istibdal
*Che Zuina Ismail, Rubiah Abu Bakar, Azarudin Awang, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 575*

Pembangunan Wakaf Kesihatan: Model Operasi dan Pengurusan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN)
*Norizah Mohamed @ Daud, Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Abas & Noraini Abd Muaziz ... 587*

Urus Tadbir Hartanah Wakaf Melaka: Strategi Penambahbaikan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
*Norajila Che Man, Rawi Nordin, Norafifah Ab Hamid & Nor Azlina Abd Wahab ... 601*

Aktiviti Pembangunan Saham Wakaf di Johor
*Nurfarhana Mohd Daud, Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Munirah Zakaria & Aflah Isa ... 613*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

## CONTEMPORARY ISSUE OF ZAKAT IN MALAYSIA


Penetapan Had Kifayah Zakat Pelajar di UiTM: Satu Keperluan
*Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Mohd Afandi Mat Rani &*
*Muhammad Nor Aman Jamaluddin ... 625*

Profil Asnaf Zakat di Kalangan Pelajar UiTM Melaka Kampus Bandaraya
*Nor Rafedah Mohsan, Dziauddin Sharif, Norafifah Ab Hamid, Siti Nurul Izza,*
*Hashim & Rizuwan Abu Karim ... 635*

Pengambilan Hukum Uruf dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri-negeri di
Utara Malaysia
*Noraini Saro & Rawi Nordin ... 643*

Aktiviti Pembangunan Spiritual Bagi Asnaf Zakat Fakir dan Miskin di Selangor
*Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Nurfarhana Mohd Daud &*
*Mahasin Saja@Mearaj ... 651*


## ISLAMIC PHILANTHROPY AND HOSPITALITY


2nd International Islamic Heritage Conference 2017



Crowdfunding: A New Phenomenon of Philantropic Method
*Nurzahidah Jaafar, Siti Noorbiah Md Rejab, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah,*
*Mohd Zaid Daud & Mazni Natasha Mohd Nasir ... 675*

Corporate Philanthropy as A Corporate Social Responsibility Component: An
Islamic Perspective
*Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Noor Hasyimah Sulaiman &*
*Azarudin Awang ... 687*

Travel Patterns of People with Physical Disabilities in Attractions Sector of
Selangor’s Tourism Industry
*Nurul Fatin Nabila Md Nafiah, Intan Farhana Abd.Karim,*
*Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Shariff, Mohd Sufian Ab Kadir &*
*Maz Izuan Mazalan ... 695*


## MANAGEMENT IN ISLAMIC PERSPECTIVE


Siapakah yang Sayang: Pengurusan Gerontologi Kajian di Rumah Amal Baitul
Rahmah, Rawang

*Nurzahidah Jaafar, Suliah Mohd Aris, Fadhilah Adibah Ismail, Rafeah Saidon & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah.... 711*

An Insight into The Islamic Manufacturing Practices (IMP)
*Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud, Nurzahidah Jaapar & Thuraya Ahmad ... 723*

Shariah Risk Profiling Through Shariah Based Business Modelling: A Rectification Plan for Shariah Audit Finding (SNCR-01) for Company XYZ
*Mohd Helmi Ahmad & Najahuddin Lateh ... 737*

Qualitative Characteristics Accounting Information of Kariah Mosque: A Concept Paper
*Masita Hassan, Salina Abdullah, Rahayu Mohd Sihat & Norlinda Tendot Abu Bakar ... 749*

Sulh Approach in The Education Loan's Repayment: The Study on Education Loan of The National Higher Education Fund Corporation (PTPTN)
*Dziauddin Sharif, Norajila Che Man, Zainab Mohd Zain, Nasif Sidquee Pauzi & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 757*

Assessing Managers' Perception towards Fitness: Examining A Few Procedures and Steps
*Saidin Wan Ismail & Norzaidi Mohd. Daud... 765*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

**CONTEMPORARY ISSUES IN ISLAMIC JURISPRUDENCE**

Ta'liq Talak: Antara Peruntukan Perundangan dan Amalan di Melaka
*Noormala Rabu, Halipah Hamzah, Mohd Fauzi Md Isa & Zainal Fikri Zamzuri ... 791*

Dilema Hak Suami Pasca Penceraian: Suatu Penelitian Awal di Malaysia
*Mohd Ab Malek Md Shah, Zunaidah Ab Hasan, Sulaiman Mahzan, Marziana Abd Malib, Akmal Adanan & Mohamad Daim Darson ... 799*

Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam dalam Konteks Maqasid Syariah
*Fadhilah Adibah Ismail, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria & Norsalwati Sabtu ... 809*

Maqasid Syariah dalam Pelancongan
*Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Rawi Nordin, Mohamad Shafiei Ayub & Mohd Zaid Mustafar ... 817*

Pengurusan Harta Menurut Islam: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Syariah
*Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Norafifah Ab Hamid &*
*Rawi Nordin ... 835*

علم الفروق الأصولية: منهجية تجديدية في تأليف علم الأصول
(*The Science of Usuli Nuances: a Renewal Method of Writing in Usul al-Fiqh*)
*مصطفى بن محمد جبري شمس الدين ...847*

The Wisdom of Polygamy in Islam: The Law and Customary Practice in Afghanistan
*Nasir Ahmad Yousefi... 865*

Pendekatan Fuqaha dalam Memahami Illah Riba bagi Emas dan Perak
*Mohd Asyadi Redzuan, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa &*
*Siti Noor Ain Aziz ... 879*

## CONTEMPORARY ISSUES OF DAKWAH IN MALAYSIA

Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Kerangka Dakwah Islam
*Razali Musa, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Mohd Shahril Othman, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Mohd Safri Ali ... 889*

Pengurusan Akidah di Malaysia Secara Berorganisasi: Satu Tinjauan Awal Tentang Jalinan antara Institusi Islam Kerajaan Pusat dan Negeri di Malaysia
*Sophian Rambli & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi ... 895*

Toleransi Agama dalam Kehidupan Komuniti Muslim Baharu: Tinjauan dari Aspek Cabaran
*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat & Rubiah Abu Bakar ... 901*

Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah Sarkastik Dan Satira
*Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun ... 909*

The Correlation Between Salah (Prayers) and Students' Academic Performance
*Che Haslina Abdullah, Mahanim Omar, Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab Latif & Che Nooryohana Zulkifli... 921*

Peranan Laman Facebook dalam Penyampaian Maklumat Pengurusan Pusaka
*Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Hafizie Suhaimi &*
*Nasrul Hisyam Nor Muhamad... 931*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Muslims in South Korea: The Way of Life
*Mahsuri Khalid, Ashirah Fatihah Mohd, Nurauni Aqilah Mohd Khir, Nur Nabila Mazlan, Nur Farhanah Mahamad Halid & Noraini Jamal... 943*

Kajian Awal Tahap Kesukarelawan di Kalangan Rakyat Johor, Malaysia
*Nik Rozilaini Wan Mohamed, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Rohayu Roddin & Nor Asikin Shaharuddin... 963*

Perubahan Akhlak Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor
*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohd Farhan Ahmad, Noraishah P Othman, Siti Fairuz Sujak & Luqmanulhakim Ab Rahman... 969*

Dakwah Melalui Media Sosial: Penerimaan dalam Kalangan Warga IPD Setiu, Terengganu
*Azman Che Mat, Khairul Azhar Abd. Karim, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Zulfadhli Nukman... 987*

## ISLAM AND COMMUNICATION

Akhlak Terbina Komunikasi Sempurna
*S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohd Shafie Ayub, Mohd Zaid Mustafar & Mohd Zin Junoh ... 997*

Aplikasi Syarat Kesahihan Hadith terhadap Model Komunikasi Berkesan
*Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Mohd Zaid Mustafar, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz & S Salahudin Suyurno ... 1005*

Komunikasi IntraPersonal dalam Dialog antara Agama: Pengalaman Saudara Baru
*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat, Noor, Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 1015*

Pembangunan dan Pengesahsahihan Instrumen *Manhaj Rabbãniyyah* sebagai Indikator Komunikator Islam
*Muhammad Taufik Md Sharipp, S Salahudin Suyurno, Mohamad Shafiei Ayub, Abdul Raf Ridzuan & Mariam Farhana Md Nasir ... 1023*

Media Baharu dan Budaya Popular Islam: Peranan dan Realiti
*Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhamad Shafie Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Abdul Qayyum Abd Razak ... 1031*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Unsur-unsur Takmilah dalam Filem Islam
*Mohamad Shafiei Ayub, Muhammad Taufik Md Sharipp, Aini Faezah Ramlan, Abdul Qayuum Abdul Razak, S Salahudin Suyurno & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 1037*

## ISLAMIC EDUCATION DEVELOPMENT

Gagasan Madrasah Al-Zahra’: Penubuhan Universiti Islam di Akhir Kerajaan Turki Uthmani
*Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Muaz Mohd Noor, Noor Hidayah Kasim & Rafidah Amat ... 1055*

Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas
*Siti Suriyani Sulaiman ... 1071*

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Pencapaian Pelajar Bahasa Arab
*Azman Che Mat, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Zulfadhli Nukman ... 1087*

Perlaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital bagi Kursus CTU 281: Kesan terhadap Prestasi Akademik dan Motivasi Diri Pelajar Grafik di UiTM Alor Gajah
*Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan & Fazlina Mohd Radzi ... 1095*

Analisis Kerelevanan Kurikulum Kursus Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) terhadap Pelajar di UiTM
*Rubiah Abu Bakar, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman ... 1107*

Hadith's Source of Reference Finder Browser Extension
*Mohamad Hafiz Khairuddin, Nur Azalizana Ahmad Saru, Mohd Hafifi Mohd Supir, Anwar Farhan Zolkeplay & Mohd Taufik Mishan... 1117*

Peranan IPTA dan IPTS dalam Menerapkan Pendidikan al-Quran di dalam Kurikulum sebagai Kursus Teras bagi Semua Pelajar Islam di Malaysia: Kajian Awal di Beberapa Buah IPT di Malaysia
*Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir… 1127*

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Hukum Kanun Brunei dan Hukum Kanun Melaka: Suatu Ristaan Sejarah
*Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif... 1143*

جهود علماء المسلمين في مجال الطب وأثره على الحضارة الإنسانية

*د. محمد مرسلين محمد إسماعيل ... 1155*

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

# Foreword

بسم الله الرحمن الرحيم

*Bismillahirrahmanirrahim*. All praise to Allah SWT. Blessing and Prayers be upon Prophet Muhammad SAW, and also to his family members, kindred's, companions and his followers who adhere faithfully to his teaching.

I would like to express my gratitude for this invitation to write a few words in conjunction of this proceeding. Heartiest congratulations go to the organizers of the 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 (2nd IsHeC2017) that was held on 14th – 15th November 2017. Congratulations also to the editors for their efforts in publishing the articles presented at the 2nd IsHeC2017.

*Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* is a very noble effort as it adds to the corpus of literature on Islamic based research in various disciplines of knowledge. I hope that this proceeding can be a catalyst for the germination and strengthening of Islamic knowledge.

Finally, I wish to extend my sincere appreciation to all parties involved in the publication of this proceeding especially Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) UiTM Melaka, Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Pusat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (PJI & A) UiTM Melaka and the authors for their contribution.

DATUK PROF. MADYA SABARIAH MAHAT

Rektor,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,
Alor Gajah, Melaka.

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

# Preface

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. All praise is due to Allah SWT, the Almighty. We all praise Him, seek His Help, and ask for His Forgiveness. We seek refuge with Him from the evil of our souls, and from our sinful deeds. He whom Allah SWT guides, no one can misguide him, and whoever Allah SWT misguides, no one can guide him. Blessings and prayers upon His Messenger Prophet Muhammad SAW. We would like to express our thorough and sincere gratefulness to Allah the Almighty, who has given us the opportunity to write, edit and complete the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017.*

We wish to extend our appreciation to YBhg. Datuk Associate Professor Sabariah Hj. Mahat, Rector of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka for her full encouragement in ensuring the success of the 2nd IsHeC2017 and also the publication of this proceeding. Special thanks to YBrs. Associate Professor Dr. Shafinar Ismail, Deputy Rector of Research and Industrial Linkage UiTM Cawangan Melaka for her continuous support in 2nd IsHeC2017.

A great deal of appreciation also goes to the Center for Islamic Philanthropy and Islamic Finance (CIPSF), Uni-Charity Society, ACIS UiTM Cawangan Melaka and UiTM Press for their tremendous effort in making the 2nd IsHeC2017 a success.

This proceeding comprises the articles that were presented in 2nd IsHeC2017 which held on 14 hingga 15 November 2017 at Avillion Hotel Melaka.

Hopefully, the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* will give a clearer view of various contemporary issues in Islamic-based research in this country and the Muslim world as a whole. Finally, we hope that this proceeding may inspire and motivate its readers in initiating attempts and contributions for the sake of Muslim ummah.

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

Editor
*Proceeding of 2nd Islamic Heritage Conference* (ISHEC 2017)

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

# PERANAN SULTAN ABU AL-HASAN ‘ALI AL-MARINI DALAM KERAJAAN BANU MARIN DI FAS, AL-MAGHRIB (1331-1351M)

Mariam Farhana Md Nasir, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris, Hamidah Jalani & Muhammad Taufik Md Sharipp

**ABSTRAK**

Pencapaian tamadun dalam Kerajaan Banu Marin era Sultan Abu Sa’id ‘Uthman II menyaksikan perkembangan yang berlaku secara perlahan dan mendatar. Namun begitu, pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali pada 731H/1331M telah menyaksikan beberapa perubahan yang berlaku dalam pemerintahan, sekaligus menjadikan era kegemilangan Kerajaan Banu Marin di al-Maghrib. Kerajaan Islam yang pernah bertapak sekitar tahun 1215M hingga 1465M di wilayah al-Maghrib, telah diperintah oleh 26 orang sultan yang mempunyai sejarah kecemerlangan dan kehebatan yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai ketokohan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali (731-751H/1331-1351M) sebagai sultan teragung dalam Kerajaan Banu Marin sehingga kerajaan tersebut mencapai era kegemilangan dan kemasyhurannya di al-Maghrib al-Aqsa pada abad pertengahan. Di samping itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji latar belakang Sultan Abu al-Hasan ‘Ali daripada pelbagai aspek, selain peranan yang dimainkan oleh beliau dalam mengangkat Kerajaan Banu Marin sebagai sebuah kerajaan yang gemilang. Metode kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu penyelidikan perpustakaan sepenuhnya melalui sumber bertulis sama ada sumber primer atau sekunder. Hasil kajian ini dapat mendedahkan kepada masyarakat usaha Sultan Abu al-Hasan ‘Ali dalam memastikan kerajaan yang dipimpin menjadi sebuah kerajaan yang berjaya dan cemerlang. Beliau merupakan pemerintah yang paling cemerlang dalam pemerintahan Kerajaan Banu Marin sehingga kerajaan tersebut mencapai ketamadunan yang tinggi dalam aspek politik, ekonomi, seni bina dan juga perkembangan ilmu pengetahuan.

**Keywords:** Banu Marin, tamadun, al-Maghrib, sumbangan, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali

## PENDAHULUAN

Kerajaan Banu Marin atau dikenali sebagai *the Marinids* dalam bahasa Inggeris dan *al-Dawlah al-Mariniyyah* dalam bahasa Arab, merupakan antara kerajaan Islam yang muncul di al-Maghrib selepas keruntuhan Kerajaan al-Muwahhidun. Al-Maghrib pada ketika itu terbahagi kepada tiga kawasan, iaitu *al-Maghrib al-Adna*, *al-Maghrib al-Awsat* dan juga *al-Maghrib al-Aqsa*. Banu Marin merupakan sebuah kerajaan yang berkuasa dan terletak di wilayah *al-Maghrib al-Aqsa*. Kerajaan Banu Marin telah menempuh pelbagai cabaran terutamanya ketika mengecapi era permulaan dan pemantapan serta ketika melalui era kemerosotan dan kejatuhan. Namun, kerajaan yang bermula pada 1215 hingga 1465M itu pernah mengecapi tempoh kegemilangannya yang tersendiri ketika berada di

bawah pemerintahan sultannya yang teragung, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali pada tahun 1331 sehingga 1351M. Pelbagai aspek kejayaan berjaya dicapai pada zaman ini merangkumi aspek politik, sosial, ekonomi, ketenteraan dan kesenian.

Kekuasaan Banu Marin meluas di kawasan al-Maghrib dan al-Andalus. Banu Marin telah menjalin hubungan diplomatik dengan beberapa buah kerajaan untuk mengukuhkan kedudukannya. Kegemilangan kerajaan ini diteruskan dengan perkembangan dan pencapaian dalam beberapa aspek kehidupan masyarakatnya seperti pengurusan pentadbiran, perkembangan pendidikan dan kesusasteraan, kerancakan aktiviti ekonomi dan pengekalan budaya masyarakat yang utuh. Tidak dinafikan, penerapan aspek kedermawanan yang ditunjukkan oleh pemerintah ketika menjadikan kerajaan tersebut mahsyur dalam pelbagai sudut. Faktor pemerintah merupakan faktor penting kerana pemerintah yang mencorakkan aliran perkembangan sekaligus kejayaan kepada sesebuah tamadun. Sebagai contoh, Sulan Abu al-Hasan ‘Ali al-Marini telah menjadi ikutan rakyat bawahan sekaligus menjadi *role model* dalam Kerajaan Banu Marin kerana sikap kedermawanan yang ditunjukkan.

## ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN BANU MARIN (1215-1465M)

Pemerintahan Banu Marin dapat dibahagikan kepada tiga era iaitu era penubuhan dan pengukuhan, era kegemilangan dan kejayaan serta era kelemahan, kemerosotan dan kejatuhan. Era penubuhan dan pengukuhan kerajaan ini bermula daripada zaman ‘Abd al-Haqq b. Mahyu hingga kejatuhan al-Muwahhidun di Marrakesh (1213-1269M). Era kegemilangan dan kejayaan pula bermula dari tempoh kejatuhan al-Muwahhidun hingga zaman pemerintahan Abu ‘Inan Faris (1269-1358M), manakala era kelemahan dan kejatuhan bermula setelah kematian Abu ‘Inan Faris pada tahun 1358M hingga kejatuhan sepenuhnya Kerajaan Banu Marin pada 1465M.

Era penubuhan dan pengukuhan menyaksikan Banu Marin mula mencari tapak untuk mendirikan pengaruh dan kekuasaaan di al-Maghrib. Usaha Banu Marin ini semakin menyerlah terutama kekalahan pihak al-Muwahhidun kepada pihak Kristian di al-Andalus dalam Peperangan Las Navas de Tolosa (Julien 1970: 173). Kekalahan dalam perang tersebut menjadi titik permulaan kepada kejatuhan al-Muwahhidun. Sepanjang tahun 1213 sehingga 1269M, Banu Marin telah menyerang al-Muwahhidun berulang-kali dan menguasai beberapa kawasan di al-Maghrib. Namun begitu, Kerajaan al-Muwahhidun masih mempunyai saki-baki kekuatan untuk melancarkan serangan balas terhadap Banu Marin. Perkara ini terbukti apabila tentera al-Muwahhidun berjaya menewaskan tentera Banu Marin pada tahun 1217M, iaitu setelah Banu Marin menguasai kawasan timur Rif. Serangan tersebut turut mengorbankan ‘Abd al-Haqq b. Mahyu, pengasas Kerajaan Banu Marin (Abun-Nasr 1987: 103).

Ekoran daripada peristiwa tersebut, Banu Marin kembali menyusun strategi dan pasukan tentera untuk menghadapi pasukan al-Muwahhidun. Usaha untuk menjatuhkan al-Muwahhidun dan mengukuhkan pengaruh di al-Maghrib tetap diteruskan oleh pimpinan Banu Marin selepas ‘Abd al-Haqq. Di bawah pimpinan Abu Yahya Abu Bakr (1244-1258M), Banu Marin sekali lagi mencuba

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

untuk menguasai al-Maghrib dan akhirnya berjaya menguasai wilayah Miknasah daripada kekuasaan al-Muwahhidun pada tahun 1245M. Antara tahun 1250 sehingga 1255M, Banu Marin berjaya menguasai lebih banyak kawasan mencakupi wilayah Tadla, Sijilmasa dan Wadi Dar‘a. Wilayah-wilayah seperti Fas, Taza, Sala dan Wadi Umm al-Rabi‘ telah berjaya ditawan pada tahun 1248M. Sebelum kematian Abu Yahya pada tahun 1258M, Banu Marin berjaya menguasai hampir keseluruhan kawasan al-Maghrib kecuali Marrakesh, ibu kota Kerajaan al-Muwahhidun (Abun-Nasr 1987: 104).

Era kegemilangan dan kecemerlangan Kerajaan Banu Marin bermula apabila pasukan tentera mereka berjaya menumbangkan Kerajaan al-Muwahhidun di Marrakesh pada tahun 1269M sekaligus berjaya mengambil alih kekuasaan di wilayah al-Maghrib dimana sebelum ini dipegang oleh Kerajaan al-Muwahhidun. Selain itu perpindahan pusat pertadbiran dari Marrakesh ke selatan wilayah Fas di utara al-Maghrib telah melenyapkan pengaruh al-Muwahhidun. Kejayaan tersebut menjadikan Banu Marin sebagai pewaris al-Muwahhidun, walaupun terpaksa menghadapi persaingan dan kuasa di al-Maghrib daripada dua buah kerajaan Barbar yang lain, iaitu Banu Zayyan dan Banu Hafs.

Namun begitu, kebanyakan sejarawan dan penulis seperti Ibn Batuttah dan Ibn Khaldun menyifatkan Kerajaan Banu Marin mencapai kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali (1331-1351M). Sumber-sumber yang membincangkan sejarah al-Maghrib dan Kerajaan Banu Marin menyatakan bahawa Abu al-Hasan ‘Ali merupakan sultan Banu Marin yang teragung (Julien 1970: 188). Perkara ini dinilai berdasarkan pencapaian hebat yang dilakukan oleh Abu al-Hasan dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial, kesenian, dan juga ketenteraan. Abu al-Hasan turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan wilayah-wilayah luar al-Maghrib seperti al-Andalus semata-mata untuk mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan Banu Marin. Abu al-Hasan banyak melakukan aktiviti ketenteraan sehingga menjadikan pasukan tentera Banu Marin di bawah kepimpinannya begitu kuat dan sukar ditandingi. Beliau bersama-sama pasukan tentera Banu Marin telah menakluk beberapa wilayah seperti Tilimsan pada 1337M dan Tunis pada tahun 1347M (Shatzmiller 1991, 4:572). Selain itu, Banu Marin berjaya meluaskan pengaruh ke seluruh al-Maghrib dengan meletakkan kekuasaan Banu Zayyan dan Banu Hafs di bawah naungannya. Hal ini berterusan apabila kepimpinan Banu Marin diambil alih oleh Sultan Abu ‘Inan Faris setelah kematian Abu al-Hasan, iaitu ayah kepada Abu ‘Inan, pada tahun 1351 sehingga tahun 1358M.

Kerajaan Banu Marin mula mengalami kemerosotan setelah kematian Sultan Abu ‘Inan Faris (Julien 1970: 194). Bagaimanapun, Kerajaan Banu Marin hanya mampu bertahan dalam tempoh 100 tahun sehingga kejatuhannya pada tahun 1465M. Pelbagai konflik dalaman dan luaran yang telah berlaku, antaranya ialah seperti pertikaian dan perselisihan dalam pentadbiran, perebutan jawatan, campur tangan daripada kuasa luar dan ancaman luaran terutamanya dari puak tentera Kristian Castile dan Portugis yang menjadi faktor kemerosotan Banu Marin (Mohamad Zulfazdlee & Ezad Azraai 2009: 78).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Akhirnya, kekuasaan Banu Marin lenyap daripada bumi al-Maghrib dan pemerintahannya digantikan dengan Kerajaan Banu Wattas (Julien 1970: 216). Namun demikian, Kerajaan Banu Marin tetap dikenang sebagai antara kerajaan Islam yang hebat di al-Maghrib. Sumbangannya dalam perkembangan tamadun Islam turut menjadi maklumat penting dalam karya-karya sejarah dan tamadun Islam. Malah, wilayah al-Maghrib ini juga pernah melahirkan ramai tokoh-tokoh ilmuwan Islam khususnya ketika era pemerintahan Banu Marin.

**PERANAN SULTAN ABU AL-HASAN ‘ALI AL-MARINI DALAM KERAJAAN BANU MARIN (1331-1351M)**

Kerajaan Banu Marin telah menempuh pelbagai cabaran terutamanya ketika mengecap era permulaan dan pemantapan serta ketika melalui era kemerosotan dan kejatuhan. Namun, kerajaan yang bermula pada 1215 hingga 1465M itu pernah mengecap tempoh kegemilangannya yang tersendiri ketika berada di bawah pemerintahan sultannya yang teragung, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali pada tahun 1331 sehingga 1351M. Pelbagai aspek kejayaan berjaya dicapai pada zaman ini merangkumi aspek politik, sosial, ekonomi, ketenteraan dan kesenian.

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali mula memerintah Kerajaan Banu Marin pada tahun 731 sehingga 751H bersamaan dengan 1331 sehingga tahun 1351M. Sultan Abu al-Hasan ‘Ali merupakan seorang sultan cemerlang kerana banyak memberi sumbangan dalam kerajaan tersebut, khususnya dalam aspek pembangunan masyarakat. Kejayaan dan pengukuhan sesebuah kerajaan banyak dipengaruhi oleh keperibadian yang ditonjolkan oleh pemerintah ketika memerintah kerajaan. Pasang surut, naik turun perjalanan dan kelancaran pentadbiran bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah tersebut. Jika pemerintahan yang diamalkan baik dan mengikut landasan yang benar, maka akan tercipta sebuah kerajaan yang unggul dan berkuasa. Begitu juga yang akan berlaku jika disebaliknya. Ketinggian sifat yang dimiliki oleh Sultan Abu al-Hasan banyak ditulis oleh beberapa penulis yang menulis kitab berkenaan dengan Kerajaan Banu Marin. Kebanyakan mereka berpendapat bahawa Sultan Abu al-Hasan cAli adalah sultan yang teragung dan cemerlang di antara kalangan 26 orang sultan yang telah memerintah. Antara penulis sejarah Banu Marin yang dimaksudkan ialah Ibn Ahmar (1991), penulis kitab *Rawdat al-Nisrin fi Dawlah Bani Marin* dan Muhammad cIsa al-Hariri (1987) dalam kitab *Tarikh al-Maghrib al-Islam wa al-Andalus fi al- ‘Asr al-Marini*. Sumbangan yang dihulurkan oleh beliau dalam aspek pembangunan masyarakat banyak membantu menjadikan Kerajaan Banu Marin sebagai sebuah kerajaan yang cemerlang dan berkuasa di al-Maghrib awal abad pertengahan dahulu.

**RIWAYAT HIDUP**

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali (731-751H/1331-1351M), yang juga dikenali sebagai Abu al-Hasan al-Marini, merupakan seorang pemerintah Kerajaan Banu Marin, iaitu sebuah kerajaan Islam yang terletak di wilayah al-Maghrib al-Aqsa. Beliau merupakan seorang pemerintah Banu Marin yang cemerlang serta banyak memberi sumbangan dalam mengukuhkan sistem pentadbiran kerajaan tersebut.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali turut mempunyai sifat peribadi yang sangat baik dan mulia. Dengan sifat-sifat tersebut, keperibadian dan kepimpinan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali dalam menerajui kerajaan menjadi ikutan dan contoh tauladan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Banu Marin selepasnya seperti Sultan Abu ‘Inan Faris. Sultan Abu ‘Inan Faris, juga merupakan anak kepada Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, telah berjaya meneruskan kecemerlangan bapanya dalam mentadbir dan memimpin kerajaan tersebut.

Dengan sifat peribadi mulia yang dimiliki Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, telah menyebabkan pengaruh Banu Marin bertambah luas dan tidak hanya tertumpu di kawasan al-Maghrib al-Aqsa sahaja, bahkan hubungan kerjasama beliau dengan pemerintah al-Andalus turut menjadi perhatian masyarakat Islam dan Barat. Kejayaan dalam menawan dan menawan kawasan penempatan masyarakat Kristian telah menjadikan nama Sultan Abu al-Hasan ‘Ali terkenal dan sering disebut sebagai seorang sultan Banu Marin yang paling hebat.

**Kelahiran**

Sebelum menceritakan mengenai kelahiran Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, Ibn Marzuq telah menulis berkenaan dengan keturunan awal masyarakat Banu Marin yang dikatakan berasal daripada keturunan Zanatah (Maria 1981: 107). Menurut Ibn Marzuq (1981: 107-108), masyarakat Banu Marin berasal daripada keturunan Bar bin Qays ‘Ilan yang berketurunan golongan Banu Zanatah, iaitu golongan Barbar yang terawal dan mendiami kawasan Afrika. Ibn Marzuq turut menulis secara ringkas mengenai sejarah awal al-Maghrib semasa masyarakat Banu Marin berjaya memegang kuasa, bermula daripada pengasasnya, iaitu Abu Muhammad ‘Abd al-Haqq bin Khalid bin Mahyu (1195-1217M) sehingga zaman pemerintahan Sultan Abu Sacid Uthman II bin Ya’qub (710-731H/1310-1331M), sebelum menulis mengenai Sultan Abu al-Hasan ‘Ali secara lebih terperinci.

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, atau nama sebenar beliau ialah Abu al-Hasan ‘Ali b. ‘Uthman, *laqab* al-Mansur Billah, merupakan seorang pemerintah Banu Marin yang memerintah pada tahun 1331 sehingga 1351M. Ibn Ahmar dalam kitab *Rawdat al-Nisrin fi Dawlah Bani Marin,* telah meriwayatkan bahawa Sultan Abu al-Hasan ‘Ali dilahirkan di sebuah wilayah yang bernama Sayf pada tahun 293H/1293M (al-Hariri 1987: 109).

Dalam pada itu, wujud pendapat kedua menyatakan beliau dilahirkan pada tahun 297H/1297M. Dr. Muhammad ‘Isa al-Hariri lebih bersetuju dengan pendapat pertama menerusi penulisannya dalam kitab *Tarikh al-Maghrib al-Islami wa al-Andalus fi al-‘Asr al-Marini*. Hal ini kerana beliau mengambil pendapat tersebut berdasarkan kepada penulisan dalam kitab karya Ibn Ahmar itu. Dalam penulisan itu juga, Ibn al-Ahmar meriwayatkan bahawa Sultan Abu al-Hasan meninggal dunia pada 27 Rabi’ al-Awwal tahun 759H/1351M, iaitu ketika beliau berusia 60 tahun (al-Hariri 1987: 109, Ibn al-Ahmar 1991: 35).

**Keluarga**

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali merupakan anak kepada seorang sultan Kerajaan Banu Marin, iaitu Sultan Abu Sacid ‘Uthman II b. Ya‘qub (710-731H/1310-1331M).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Beliau wafat pada 25 Zulkaedah 731M dan pada hari yang sama juga Sultan Abu al-Hasan cAli telah dibai‘ah untuk menjadi pemerintah kerajaan (Ibn Marzuq 1981: 123). Sultan Abu al-Hasan ‘Ali tidak mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai, iaitu empat orang sahaja. Ibn al-Ahmar (1991: 35) meriwayatkan bahawa selain Sultan Abu al-Hasan ‘Ali yang merupakan anak sulung dalam keluarganya, terdapat tiga orang lagi adik-adiknya yang bernama ‘Umar, Mansur dan seorang adik perempuan yang bernama Maymunah. Ibunya merupakan seorang wanita yang berketurunan hamba dari Habshah, yang bernama al-Salihat al-Mubarakat al-‘Anbar (Dunn 2005: 292). Ibn Marzuq (1981: 124) telah meriwayatkan bahawa ibu Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah meninggal dunia selepas lima tahun kewafatan ayahnya, iaitu pada tahun 736M di Tilimsan.

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali menggantikan ayahnya memerintah Banu Marin pada tahun 1331M semasa berusia 34 tahun (Julien 1970: 188). Beliau telah ditabalkan menjadi sultan Kerajaan Banu Marin pada hari Khamis, bersamaan dengan 25 Zulkaedah 731H (Ibn Marzuq 1981: 123, Ibn al-Ahmar 1991: 35). Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah berkahwin dengan anak perempuan Abu Bakr, seorang pemerintah Kerajaan Banu Hafs. Tujuan perkahwinan tersebut adalah untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Banu Marin dengan Kerajaan Banu Hafs dan bersama-sama menentang pasukan tentera Banu Zayyan, kerajaan puak Barbar Zanatah (Julien 1970: 188).

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali mempunyai jumlah bilangan anak yang ramai. Kenyataan berpandukan kepada penulisan Ibn al-Ahmar, yang menyatakan beliau mempunyai 15 orang anak lelaki, iaitu Tashfin, ‘Inan Faris, Ibrahim, ‘Abd al-‘Aziz, ‘Abd al-Wahid, Abu Abd al-Rahman Ya’qub, Abu ‘Amir ‘Abd Allah, Mas’ud, Dawud, Yusuf, ‘Abd al-Haq, Abu Ghalib Muhammad, Ahmad, Muhammad al-Muntasir bi Allah dan Muhammad Al-Mas’ud bi Allah. Beliau juga mempunyai sembilan orang anak perempuan, iaitu Hadariyyah, Ummu al-‘Izza, Tamu, Ta’izunat, Sunah, Raymah, al-Zahra’, Safiyyah dan Zaruww (Ibn al-Ahmar 1991: 36).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

**Pendidikan**

Sejak dari usia yang masih muda, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah didedahkan dengan pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Hal ini kerana, menurut Ibn Marzuq (1981: 127), Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah mengikut ayah dan bapa saudaranya ke masjid-masjid di sekitar al-Maghrib untuk menimba ilmu pegetahuan. Tambah Ibn Marzuq lagi, sebelum baligh, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali banyak meluangkan masa dengan menunaikan solat sunat, mengaji al-Quran dan menghadiri dan mendengar majlis ilmu. Walaupun yang demikian, jika ada masa terluang, beliau turut akan bermain dengan kanak-kanak yang seusia dengannya dan menzirahi kaum kerabatnya (Ibn Marzuq 1981: 127).

Sejak daripada kecil, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah dikurniakan akal yang bijak dan cerdik oleh Allah SWT (Ibn Marzuq 1981: 125). Hal ini kerana beliau merupakan seorang yang cepat belajar dan mudah menghafaz al-Quran. Bapanya, iaitu Abu Sa’id ‘Uthman II b. Ya’qub (710-731H/1310-1331M) telah mendedahkan beliau dengan ilmu pengetahuan sejak daripada kecil. Sultan Abu

al-Hasan ‘Ali juga percaya bahawa aspek pemakanan boleh membantu meningkatkan daya pemikiran dan mencerdaskan akal. Hal ini turut diulas oleh Ibn Marzuq (1981: 127) bahawa Sultan Abu al-Hasan ‘Ali sangat menggemari buah *tin*. Terdapat banyak pokok buah *tin* yang ditanam diseluruh daerah dan wilayah Fas.

**Menteri dan Qadi**

Menteri dan qadi merupakan individu yang banyak membantu memainkan peranan dalam gerakan dan hal ehwal sesebuah kerajaan. Tugas menteri dan qadi adalah untuk membantu sultan atau pemerintah dalam menjalankan dan mentadbir negara. Menteri dan qadi juga merupakan golongan penting dalam kerajaan dan sekaligus menjadi penasihat sultan atau pemerintah.

Kerajaan Banu Marin turut menggunakan khidmat menteri, juga dikenali sebagai *wazir*, dan qadi untuk membantu menguruskan kerajaan. Menurut Ibn Ahmar (1991: 36), antara beberapa individu yang pernah berkhidmat dengan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali semasa era pemerintahan beliau termasuklah para menterinya, iaitu ‘Amir bin Fath Allah al-Sadrati, Yahya bin Talhah bin Yahya bin Mahalla al-Butu’i, Ghazi bin Yahya bin Idris bin al-Kas al-Wirtajani, Abu Bakr bin Yahya bin al-Nuwwar al-Salmi, Musa bin Ibrahim bin ‘Isa al-Yarniyyani, ‘Abd Allah Ibrahim al-Fawdudi, Mas’ud bin Umar al-Fawdudi dan Hamu al-‘Asri bin Yahyatan al-Awrabi. Sultan Abu al-Hasan ‘Ali juga mempunyai seorang pengawal peribadi yang gagah dan berani bernama ‘Abd al-Wahid bin Nasih. Seperti mana yang diketahui, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali merupakan seorang sultan yang amat mencintai ilmu pengetahuan. Antara penulis-penulis atau pengkarya-pengkarya agung yang pernah berkhidmat untuk beliau termasuklah ‘Abd al-Muhaymin bin Muhammad al-Hadrami, Muhammad bin ‘Abd Allah bin Abi Madyan, Muhammad bin al-Haj Muhammad ibn Abi madyan dan ‘Ali bin ‘Ali al-Qaba’ili al-Mawhid al-Taynamali.

Selain menteri atau *wazir*, terdapat beberapa orang qadi dan hakim yang pernah berkhidmat untuk Sultan Abu al-Hasan ‘Ali dalam membantu melicinkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Banu Marin. Antara mereka ialah Muhammad bin ‘Ali al-Malili, cAbd Allah bin Ahmad Ibn al-Maljum al-Azdi dan Muhammad bin ‘Ali bin ‘Abd al-Razaq al-Jazuli. Secara tidak langsung, individu-individu ini telah bersama-sama memberi sumbangan dan membantu Sultan Abu al-Hasan mengukuhkan aspek pembangunan politik, ekonomi dan sosial dalam Kerajaan Banu Marin dengan menjadikan kerajaan tersebut bukan sahaja terkenal dikalangan penduduk wilayah Fas sahaja, bahkan di seluruh wilayah al-Maghrib dan wilayah di luar al-Maghrib (Ibn al-Ahmar 1991: 36).

**Kematian**

Dalam menghadapi pelbagai ancaman dari pihak luar, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali tidak terlepas menerima ancaman daripada anaknya sendiri, iaitu Abu ‘Inan Faris. Ketika konflik politik sedang bergolak dalam Kerajaan Banu Marin, Abu ‘Inan merupakan seorang gabenor di wilayah Tilimsan. Abu ‘Inan berpendapat bahawa ayahnya tidak akan dapat bertahan lama di Tunis dan berhasrat untuk kembali ke

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Fas untuk merebut jawatan sultan Kerajaan Banu Marin (Abun-Nasr 1987: 111). Cita-cita Abu ‘Inan itu mendapat tentangan daripada anak saudaranya, al-Mansur, yang pada ketika itu merupakan seorang gabenor di Fas. Dalam masa yang sama, al-Mansur turut bercita-cita untuk merampas jawatan sultan kerajaan tersebut. Pada Julai 1348M, Abu ‘Inan berjaya menentang al-Mansur di Taza lantas mengumumkan dirinya sebagai pemerintah Banu Marin bagi menggantikan ayahnya. (Abun-Nasr 1987: 111). Hal ini secara tidak langsung menjadikan seluruh wilayah al-Maghrib di bawah naungan Banu Marin, turut berada di bawah pemerintahan dan kuasanya.

Pada masa yang sama, wilayah Tunis masih lagi berada di bawah pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali. Beliau telah meninggalkan Tunis pada Disember 1349M melalui jalan laut bahagian utara al-Maghrib dan cuba untuk mempertahankan kuasanya dari dirampas oleh Abu ‘Inan. Sekali lagi, beliau telah melarikan diri ke Marrakesh berikutan kekalahan beliau menentang Banu Zayyan sewaktu berada di Tilimsan. Dalam masa yang sama, Abu ’Inan Faris telah sampai di Fas dan mentadbir Banu Marin. Semasa melarikan diri, Sultan Abu al-Hasan ’Ali telah dikejar oleh Abu ’Inan dan pengikut-pengikutnya sehingga beliau terpaksa mendapatkan bantuan perlindungan dari puak Hintata, sebelum berjaya dibunuh pada bulan Mei 1351M (Abun-Nasr 1987: 111).

Sultan Abu al-Hasan ’Ali meninggal dunia pada malam Selasa, bersamaan dengan 27 Rabi’ al-Awwal 752H. Ketika itu, beliau berusia 60 tahun dan telah dikebumikan di wilayah Shallat. Semasa hayatnya, beliau telah memegang tampuk pemerintahan Kerajaan Banu Marin selama 20 tahun, tiga bulan dan dua hari (Ibn al-Ahmar 1991: 35).

IIHC 2nd International Islamic Heritage Conference 2017

**PERANAN DALAM KERAJAAN**

Dalam menerajui dan memimpin sesebuah kerajaan, bidang kuasa seorang pemerintah atau sultan tidak hanya tertumpu di dalam istana semata. Malah seorang sultan dan pemerintah mempunyai bidang kuasa yang sangat luas dan berat. Hanya pemerintah yang cekap, adil dan bijak sahaja yang dapat memimpin negara dengan baik, selain menjadikan syariat Islam sebagai perkara yang paling utama dalam setiap aspek.

**Ketua Kerajaan**

Selepas kematian Sultan Uthman Ya’qub pada 25 Zulkaedah 731H, satu sidang khas yang dihadiri oleh beberapa orang penting kerajaan seperti menteri-menteri dan pegawai khas telah berkumpul sebelum mengumumkan perlantikkan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali sebagai pemerintah Kerajaan Banu Marin yang seterusnya (al-Hariri 1987: 110). Beliau telah ditabalkan menjadi sultan bagi menggantikan ayahnya, Sultan Abu Sa’id ‘Uthman II b. Ya‘qub (710-731H/1310-1331M) pada tahun 1331M, iaitu ketika berusia 34 tahun, untuk memerintah Kerajaan Banu Marin. Sultan Abu al-Hasan mula memerintah pada tahun 731H/1331M sehingga tahun 751H/1351M.

Selepas dilantik menjadi sultan, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali memerintahkan supaya kem tentera yang terletak di wilayah Saba dipindahkan ke wilayah az-

Zaytun yang terletak di Fas. Pertabalan beliau sebagai pemerintah Banu Marin dilakukan selepas selesai urusan pengebumian ayahnya. Menurut al-Hariri (1987: 110), pengumuman penggantian tampuk pemerintahan oleh Sultan Abu al-Hasan dilakukan oleh as-Shaykh Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Qasim al-Mazwar pada hari jumaat bersamaan dengan 25 Zulkaedah tahun 731H/1331M

Sultan Abu al-Hasan ‘Ali memegang peranannya sebagai sultan dalam Kerajaan Banu Marin dengan amanah dan bertanggungjawab. Beliau sangat menjaga kebajikan rakyatnya selain memandang berat setiap permasalahan yang wujud dalam kerajaan tersebut. Beliau merupakan pemerintah yang berjiwa rakyat kerana sifatnya yang suka bergaul rapat dengan golongan bawahan (Julien 1970: 189).

Selama tempoh beberapa tahun pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, Kerajaan Banu Marin telah mengecapi era kegemilangannya yang tersendiri. Pelbagai sumbangan telah diberikan semata-mata untuk menjaga dan mengukuhkan pemerintahan dan kekuasaan Banu Marin. Ketika pemerintahan beliau, ekspedisi ketenteraan dilakukan dengan giat sekali. Kebanyakan wilayah di seluruh al-Maghrib telah berjaya ditawan oleh Abu al-Hasan bersama pasukan tentera Banu Marin termasuklah wilayah Tilimsan, Tunis dan Gibraltar. Selain itu, sumbangan beliau dalam pelbagai aspek lain turut mengangkat beliau sebagai seorang sultan yang terulung (Julien 1970: 189).

**Ketua Pasukan Tentera**

Kehebatan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali memimpin pasukan tentera Banu Marin terutamanya ketika melakukan penawanan ke atas wilayah-wilayah lain tidak dapat dinafikan. Kebanyakan ekspedisi yang diketuai oleh beliau akan membuahkan kejayaan. Misalnya, kejayaan pasukan tentera Banu dalam menawan wilayah Tilimsan pada 1337M dan Tunis pada 1347M. Namun, kekalahan tentera Islam ke tangan Kristian dalam *the Battle of Rio Salado* pada Oktober 1340M tidak dapat dilupakan dalam sejarah Islam (Ezad Azraai 2002: 16).

Sebagai seorang ketua pasukan tentera, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali berasa bertanggungjawab dalam mewujudkan keamanan masyarakat wilayah. Beliau sanggup melakukan apa saja semata-mata untuk memastikan kedudukan politik Kerajaan Banu Marin menjadi kukuh. Walaupun berperanan sebagai seorang ketua, beliau tidak pernah mengabaikan kebajikan para tenteranya. Beliau sangat mengambil berat akan setiap masalah tenteranya. Setiap kali memperoleh kemenangan, Sultan Abu al-Hasan tidak pernah lupa untuk meraikan bersama-sama dengan pasukan tenteranya. Seperti contoh, beliau akan menganugerahkan beberapa jenis peralatan senjata beserta dengan sepersalinan lengkap peralatan tentera berkuda sebagai ganjaran kepada tenteranya. Beliau juga menghadiahkan tenteranya dengan beberapa jenis kain dan fabrik yang mahal dan bermutu tinggi (al-Manuni 2000: 564).

Kewibawaan Sultan Abu al-Hasan sebagai sultan teragung turut terserlah ketika memimpin pasukan tentera Banu Marin dalam melakukan proses penawanan ke atas wilayah di sekitar al-Maghrib. Ketokohan beliau dalam aspek

ini menjadikan beliau terkenal, bukan sahaja di al-Maghrib bahkan di al-Andalus. Sultan Abu Hajjaj Yusuf I, iaitu pemerintah Kerajaan Nasriyyah di al-Andalus telah meminta bantuan ketenteraan daripada Sultan Abu al-Hasan untuk bergabung tenaga dengan tentera Nasriyyah bagi menghadapi tentangan daripada pihak Kristian Castile yang ingin menawan semula wilayah al-Andalus dalam peperangan *the Battle of Rio Salado* (Harvey 1990: 193).

Kebolehan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali memimpin pasukan tentera dapat dilihat dan dikesan pada awal pemerintahannya. Beliau berjaya menawan beberapa wilayah di sekitar al-Maghrib. Pada masa yang sama, Kerajaan Banu Marin turut menghadapi persaingan dengan Kerajaan Banu Hafs dan Kerajaan Banu Zayyan dalam mengukuhkan kedudukan dan pengaruh di seluruh al-Maghrib. Ketiga-tiga kerajaan tersebut saling menyaingi antara satu sama lain bagi menggantikan pemerintahan Kerajaan al-Muwahhidun. Namun, Kerajaan Banu Marin berjaya mencapai matlamat tersebut ketika pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali. Pasukan tentera Banu Marin yang berada di bawah pimpinan beliau telah berjaya menguasai kota Tilimsan, iaitu pusat pemerintahan Kerajaaan Banu Zayyan pada tahun 1337M.

Tentera Banu Marin juga berjaya menawan kota Tunis, pusat pemerintahan Kerajaan Banu Hafs pada tahun 1347M (Julien 1970: 191). Untuk mengukuhkan lagi hubungan antara Kerajaan Banu Marin dengan Kerajaan Banu Hafs, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah mengahwini anak kepada Sultan Abu Bakr, pemerintah Kerajaan Banu Hafs (Hasan 2006: 142). Banu Marin berjaya menguasai sebahagian kawasan di al-Andalus apabila berjaya membantu Kerajaan Nasriyyah menghadapi ancaman serangan tentera Islam dari utara Semenanjung Iberia. Kedudukan Banu Marin semakin kukuh dengan beberapa siri kejayaan penawanan wilayah di al-Maghrib dan al-Andalus. Begitu juga apabila dua buah kerajaan yang sebelum ini merupakan persaingan Banu Marin, iaitu Banu Zayyan dan Banu Hafs, telah tunduk di bawah kekuasan tersebut (Shatzmiller 1991, 4:572).

Pada tahun 1333M, Banu Marin telah berjaya menguasai Gibraltar, kota yang terletak di bahagian selatan al-Andalus. Banu Marin cuba untuk mengusir tentera Kristian daripada Tarifa tetapi gagal. Malah, anak Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, Abu Malik turut terbunuh dalam satu serangan balas yang pantas di Jerez pada tahun 1339 (Abun-Nasr 1987: 110; Sabri 2004: 433). Pada tahun 1340M, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali telah menyeberangi wilayah al-Andalus bersama kaum keluarga, kerabat dan pengiring, diiringi azam yang kuat untuk memerangi tentera Kristian. Beliau mengetuai pasukan tentera Banu Marin dan berpadu tenaga dengan tentera Nasriyyah yang diketuai oleh Sultan Abu al-Hajjaj Yusuf I, menuju ke Tarifa untuk menghadapi tentera Kristian.

Dalam peperangan *the Battle of Rio Salado*, tentera Islam tewas kepada tentera Kristian. Hal ini memaksa pasukan Banu Marin dan Nasriyyah berundur serta kembali ke wilayah masing-masing. Nasib Banu Marin menjadi lebih teruk apabila 60,000 tenteranya terkorban dalam perang tersebut (Harvey 1990: 193). Ekoran daripada kekalahan tersebut, kedudukan politik Banu Marin mula goyah dan menghadapi pelbagai konflik dalaman dalam sisitem pentadbirannya. Hal ini

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

juga berikutan daripada rampasan kuasa yang dilakukan oleh Abu ‘Inan Faris, anak lelaki Sultan Abu al-Hasan ‘Ali. Akhirnya, pada tahun 1351M, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali berjaya diguling dan dibunuh. Tampuk pemerintahan telah diambil alih oleh Abu ‘Inan Faris (751-759H/1351-1358M) bagi menggantikan ayahnya itu.

**Ketua Agama Islam**

Masyarakat Banu Marin sekitar tahun 1331 sehingga 1351M sangat berbangga kerana dianugerahkan seorang pemerintah yang taat akan ajaran agama Islam. Dalam aspek mempelajari hukum dan syariat Islam, Sultan Abu al-Hasan ‘Ali tidak pernah meletakkan dirinya sebagai seorang yang istimewa berbanding masyarakat Banu Marin yang lain. Beliau sangat mengutamakan dan mengagungkan ulama’ Islam. Bagi Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, kedudukan dan darjat seorang ulama’ lebih tinggi di sisi Allah SWT berbanding seorang sultan.

Istana beliau sering dijadikan sebagai pusat penyebaran dakwah Islam. Hampir setiap hari beliau akan mengadakan usrah dan sesi perbincangan dengan para ulama’ dan ilmuan Islam berkenaan dengan persoalan Islam. Beliau juga sangat mengalu-alukan orang ramai yang ingin berkunjung ke istananya untuk mendengar majlis ilmu. Sultan Abu al-Hasan ‘Ali seorang muslim yang sangat taat dengan ajaran Islam. Beliau tidak pernah mengabaikan solat lima waktu dan sering melakukan solat berjemaah di masjid (Ibn Marzuq 1981: 134).

Beliau juga sangat menekankan aspek Islam dalam setiap perkara. Seperti contoh, dalam aspek pemilihan tentera, beliau sangat menitik beratkan ajaran Islam. Beliau tidak akan memilih seseorang itu untuk menyertai pasukan tenteranya jika individu tersebut pernah melakukan maksiat dan minum arak. Sultan Abu al-Hasan juga sering melakukan solat secara berjemaah bersama-sama dengan pasukan tenteranya. Jika berkelapangan, beliau akan memberi usrah bersama-sama mereka. Kerana ketaatan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali kepada Allah SWT, masyarakat Banu Marin sangat menyanjungi keperibadian beliau itu. Tidak hairan jika ramai sejarawan menobatkan beliau sebagai sultan Banu Marin yang teragung.

Tambah Ibn Marzuq (1981: 141), Sultan Abu al-Hasan ‘Ali seorang pemerintah yang sangat tegas dalam perkara-perkara syariah. Sultan Abu al-Hasan ‘Ali menjalankan hukum hudud seperti yang telah ditetapan oleh Allah SWT Namu yang demikan, beliau bukanlah sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman tersebut. Akan tetapi, setiap daripada masalah yang timbul, beliau akan selidiki perkara tersebut dengan adil sebeum menjatuhan sebarang bentuk hukuman.

**Pengurus Ekonomi**

Pada zaman pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali, kota Fas telah berperanan sebagai pusat kegiatan ekonomi utama di negara tersebut. Harta rampasan perang *(ghanimah)* dan hasil kerja tangan, merupakan antara sumber ekonomi selain sumber pendapatan utama kehidupan masyarakat di kota tersebut sejak zaman pemerintahan Kerajaan al-Murabitun.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Terdapat banyak syarikat yang menghasilkan pelbagai jenis kraftangan semasa zaman pemerintahan Sultan Abu al-Hasan dan anaknya, Sultan Abu ‘Inan (Abun-Nasr 1987: 117). Antara industri terpenting pada zaman tersebut ialah industri tenunan, iaitu melibatkan pekerja seramai 20,000 orang.

*Ghanimah* atau harta rampasan yang diperoleh ketika melakukan peperangan turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi Kerajaan Banu Marin. Sultan Abu al-Hasan ‘Ali banyak melakukan beberapa ekspedisi *futuhat* ke atas wilayah lain, dan kebanyakan daripada ekspedisi itu berakhir dengan kejayaan. Misalnya, beliau bersama tentera Banu Marin telah berjaya menawan Tilimsan pada 1337M dan Tunis pada 1347M (Shatzmiller 1991, 4:572). Harta yang diperoleh telah dijadikan sebagai satu sumber masyarakat Banu Marin. Harta *ghanimah* termasuk peralatan senjata seperti pedang, lembing, panah, perisai, dan baju besi. Rampasan seperti binatang ternakan turut dikira sebagai harta *ghanimah*.

Selain itu, kegiatan ekonomi utama pada zaman pemerintahan Banu Marin ialah aktiviti pertukangan emas (Mohyeddin 2002: 60). Kebanyakan produk yang dihasilkan akan dipasarkan di pasaran tempatan, iaitu sekitar kota Fas. Selain dipasarkan di pasaran tempatan, produk tersebut turut dipasarkan di luar kota Fas. Bandar Tanjah merupakan kota pelabuhan penting pada kurun ke-13 dan 14M. Walaupun terdapat banyak kota pelabuhan di bawah kekuasaan Banu Marin, seperti kota Ribat al-Fath, Aghadir dan bandar Sufi, Tanjah merupakan sebuah kota pelabuhan gemilang pada zaman tersebut. Hal ini kerana kota tersebut terletak di utara al-Maghrib al-Aqsa, yang terletak di Semenanjung Iberia dan tanah besar al-Maghrib al-Kabir. Oleh itu, kedudukan yang strategik telah menjadikan kota tersebut sebagai kawasan persinggahan kapal-kapal dagang yang belayar dari Laut Tengah menuju ke Lautan Atlantik (Dunn 2005: 297).

Sultan Abu al-Hasan ’Ali amat menitik beratkan pencapaian dan kemajuan terutamanya dari aspek ekonomi Kerajaan Banu Marin. Kerajaan ini turut menjadikan aktiviti perairan seperti perdagangan dan perikanan sebagai ekonomi utama. Industri pembuatan kapal di kalangan masyarakat sedikit sebanyak turut menyumbang kepada ekonomi negara (Mohyeddin 2002: 61). Melalui aktiviti ini, wilayah lain yang berada di bawah naungan Kerajaan Banu Marin turut merasai hasil kepesatan ekonomi kerajaan ini.

## KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa Sultan Abu al-Hasan ’Ali merupakan sultan Banu Marin yang sangat terkenal dan paling agung. Pelbagai sumbangan yang telah diberikan merangkumi pelbagai aspek seperti sumbangan dalam bidang intelektual, ekonomi, seni bina dan ketenteraan. Setiap sumbangan yang dilakukan oleh beliau adalah semata-mata untuk mengukuhkan pengaruh dan kedudukan Banu Marin. Ekoran daripada itu, Banu Marin bukan sahaja terkenal dengan kedudukannya di al-Maghrib, bahkan di beberapa wilayah luar al-Maghrib seperti al-Andalus.

Nama Sultan Abu al-Hasan ’Ali tercatat kemas dalam lipatan sejarah sebagai sultan yang hebat kerana sumbangannya yang cukup besar itu. Maka,

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

tidak hairan jika beliau menerima gelaran sebagai sultan Banu Marin yang teragung oleh beberapa tokoh sejarawan terkenal seperti Ibn Batuttah dan Ibn Khaldun. Sumbangan yang telah diberikan sangat besar dan tidak ternilai, khususnya bagi golongan masyarakat Kerajaan Banu Marin dan kesannya terhadap perkembangan Islam turut dirasai sehingga ke hari ini.

**RUJUKAN**


‘Abd Allah, ‘Abd al-‘Aziz. t.th. *Tarikh al-Maghrib al-‘Asr al-Qadim wa al-‘Asr al-Wasit*. al-Rabat: Maktabat al-Ma’arif.

Abun-Nasr, Jamil M. 1987. *A History of the Maghrib in the Islamic Period*. Cambridge: Cambridge University Press.

‘Ammar, Ahmad ‘Abd Allah Hasan. 2003: *Dawlah Bani Marin: Tarikhuha, wa Siyasatuha Tujahu Mamlakat Gharnatah al-Andalusiyyah wa al-Mamalik al-Nasraniyyah fi Isbaniyya (668-869H/1269-1465M)*. Palestin: Jami’at al-Najah al-Wataniyyah.

Bighira, Maria Khaysus. 1981. *al-Musnad al-Sahih al-Hasan fi Ma’athir wa Mahasin Maulana Abi al-Hasan*. al-Jaza’ir: al-Shurkah al-Wataniyyah li al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Bloom, Jonathan M. 1998. *Ibn Marzuq: Sultan Abu’l-Hasan’Ali’s architectural patronage*. Dlm. Renard, John (pnyt). *Windows on the House of Islam: Muslim Sources on Spirituality and Religious Life*, hlm. 250-260. California: University of California Press.

Dunn, Ross E. 2005. *Pengembaraan Ibn Battuta: Musafir Islam*. Terj. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Adibah Sulaiman @ Mohamad. 2012. *Warfare in the history of the Marinid military from the chronicle of al-Salawi*. Australian Journal of Basic an Applied Sciences 6(8): 65-73.

Ezad Azraai Jamsari, Mohd. Irman Mohd. Abd. Nasir & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2010. *Peperangan Rio Salado 1340M*. Prosiding Simposum Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011), hlm.158-173.

Ezad Azraai Jamsari. 2004. *Kerajaan Nasriyyah (1238M-1492M) di Granada*. Islamiyyat 26(2): 3-21.

Farhat, Yusuf Shukri. *Gharnatah fi Zill Bani al-Ahmar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.

al-Fasi, ‘Ali b. Abi Zar’. 1972. *al-Dhakhirat al-Sanniyah fi Tarikh al-Dawlah al-Mariniyyah*. al-Ribat: Dar al-Mansur li al-Tiba’ah wa al-Waraqat.

Ferhat, Halima. 1995. *Sala*. Dlm. The Encyclopaedia of Islam. Jil. 8. Leiden: E.J. Brill.

H. A. Wahab. 1998. *Mariniyah*. Dlm. Ensiklopedia Islam. Jil. 6. Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad.

al-Hariri, Muhammad ‘Isa. 1987. *Tarikh al-Maghrib al-Islam wa al-Andalus fi al-‘Asr al-Marini*. Kuwayt: Dar al-Kalam li al-Nashr wa al-Tawzi’.


2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Ibn al-‘Imad, Abi al-Falah Abd Rahman al-Yahya bin ‘Imad al-Khabali. t.th. *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar min Dhahab: li al-Muarrikh al-Fiqhiyyah al-Adib*. Jil.6 Lubnan: Bayrut.

Ibn al-Ahmar, Isma’il. 1991. *Rawdat al-Nisrin fi Dawlah Bani Marin*. Tahqiq. Ibn Mansur, ‘Abd al-Wahab. al-Ribat: al-Matba’at al-Malakiyyah.

Ibn Khaldun, ‘Abd Rahman. 1999. *Kitab al-‘Ibar wa al-Diwan wa al-Mubtada’ wa al-Khabar fi Ayyam al-cArab wa al-‘Ajm wa al-Barbar wa man ‘Asarahum min dhaw al-Sultan al-Akbar*. Jil. 7. Bayrut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn Marzuq, al-Tilimsani. 1981. *al-Musnad al-Sahih al-Hasan fi Maathir wa Mahasin Mawlana Abi al-Hasan*. Tahqiq. Bighira, Maria Khaysus. Al-Jazair: Al-Shurkah al-Wataniyyah li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Jones, Linda G. 2012. *The Power of Oratory in the Medievel Muslim World*. USA: Cambridge University Press.

Julien, Charles-Andre. 1970. *History of North Africa: Tunisia, Algeria, Morocco: From the Arab Conquest to 1830*. Terj. Petrie, John. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

Mahayudin Yahaya. 1986. *al-Mariniyyah*. Dlm. Ensiklopedia Sejarah Islam. Jil. 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Makki, Mahmoud. 2000. *A political history of al-Andalus (92/711-897/1492).* Dlm. Jayyusi, Salma Khadra (pnyt.). The Legacy of Muslim Spain, hlm. 3-88. Jil. 1. Leiden: E.J. Brill.

al-Mannuni, Muhammad. 2000. *Waraqat ‘an Hadarat al-Mariniyyah.* Dar al-Bayda’: Matba’ah al-Najah al-Jadidah.

Marcais, G. 1986. *Abu al-Hasan ‘Ali*. Dlm. The Encyclopaedia of Islam. Jil. 1. Leiden: E.J. Brill.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hasan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. 2009. *Kepentingan kestabilan negara: Iktibar daripada kejatuhan kesultanan Banu Marin*. Prosiding Seminar Kebangsaan Ketamadunan Islam 2009 NASIC’O9: Tamadun Islam untuk Dunia Masa Hadapan, hlm. 74-85.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hasan Ashari, Ezad Azraai Jamsari & Wan Kamal Mujani. 2010. *Pengurusan aspek ekonomi Kerajaan Banu Marin (1215-1465M): Satu pengamatan sejarah*. Dlm. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Salasiah Hanin Hamjah (pnyt). Pengurusan Organisasi Dakwah, hlm. 87-110.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hasan Ashari. 2012. *Kerajaan Banu Marin di Fas (1215-1465M): Satu Kajian Sejarah Terhadap Aspek Ketenteraan di al-Maghrib dan al-Andalus*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohyeddin Mohd Amin. 2002. *Sejarah Pemerintahan dan Sumbangan Kerajaan Banu Marin di al-Maghrib al-Aqsa*. Projek Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Oliver, R.A. 1977. *The Cambridge History of Africa from c. 1050 to c. 1600*. Jil. 3. Cambridge: Cambridge University Press.

Powers, David S. 2002. *Law, Society and Culture in the Maghrib, 1300-1500*. United Kingdom: Cambridge Studies in Islamic Civilization.

Reilly, Bernard F. 1993. *The Medieval Spains*. Cambridge: Cambridge University Press.

Ruggles, D. Fairchild. 2011. *Islamic Art and Visual Culture: An Anthology of Sources*. United Kngdom: Wiley-Blackwell.

al-Sa'ih, al-Hasan. 1986. *al-Hadarat al-Islamiyyah fi al-Maghrib*. t.tp.: Dar al-Thaqafah.

al-Salabi, 'Ali Muhammad. 2003. *Harakat al-Fath al-Islami fi al-Shimal al-Ifriqi*. t.tp: Dar al-Wafa'.

Shatzmiller, Maya. 1991. *Marinids*. Dlm. The Encyclopaedia of Islam. Jil. 4. Leiden: E.J. Brill.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017